



PEJABAT PERDANA MENTERI

BUTIRAN MESYUARAT

13 APRIL 2023

1. Pada hari ini, saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) Bilangan 1 bagi tahun 2023. Turut hadir adalah YAB Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perlindungan dan Komoditi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet mewakili tujuh (7) kluster di bawah NACCOL, agensi kerajaan dan kementerian berkaitan, wakil pemain industri, wakil pertubuhan bukan kerajaan serta pakar dari institut penyelidikan.
2. Sebanyak empat (4) kertas telah dibentangkan dalam Mesyuarat NACCOL telah dibentangkan masing-masing satu (1) kertas oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan serta dua (2) kertas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.
3. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:
 - (i) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mempergiatkan Program Pembangunan Pemasaran dengan menyasarkan **Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL)** sebanyak **2,000 lokasi** pada tahun ini berbanding hanya 1,000 lokasi pada tahun 2022. Jualan ini dijangka memberi manfaat

kepada semua lapisan pengguna termasuk peniaga kerana harga yang ditawarkan adalah jauh lebih rendah kerana dibawa terus dari sumber bekalan.

- (ii) FAMA turut mengadakan **Jualan Khas Ramadan Madani** di **268 lokasi** seluruh negara terdiri daripada pasar tani, pasar tani kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok. Bermula **15 April 2023**, FAMA akan mengadakan **Jualan Khas Syawal Madani** di **113 outlet pemasaran FAMA**. Jualan khas ini akan memberi peluang kepada rakyat untuk mendapatkan bahan persiapan bagi persediaan Hari Raya yang akan tiba tidak lama lagi.
- (iii) Dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya pada tahap tertinggi agar acara tahunan “Balik Kampung” tidak dicemari dengan kesedihan dan tangisan. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bersama-sama PROTON dan PERODUA telah melancarkan **Pakej RAHMAH** bagi servis kenderaan bermotor dengan harga yang jauh lebih murah. Ini merupakan usaha Kerajaan Malaysia MADANI serta semua pihak terutamanya pemain pelbagai industri seperti industri peruncitan, makanan dan minuman, tekstil, perhotelan, perkilangan berasaskan makanan dan yang terkini automotif bagi membantu rakyat Malaysia MADANI.
- (iv) Mesyuarat NACCOL juga mengambil maklum pembentangan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia bagi melaksanakan satu lagi inisiatif RAHMAH. Pengumuman

berkaitan inisiatif RAHMAH tersebut akan dilakukan pada satu tarikh lain kelak.

- (v) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah membentangkan **hasil awal** projek rintis bagi Program Ekonomi Sempadan (Projek Pembekalan Petrol RON95 dan Diesel Tanpa Subsidi). Pelbagai kesan dan impak positif telah diperolehi daripada projek rintis yang dilaksanakan di Perlis.

Program Ekonomi Sempadan ini merupakan usaha KPDN dalam mengatasi ketirisan minyak petrol dan diesel terutamanya di kawasan berhampiran dengan sempadan negara. Laporan awal menunjukkan subsidi kerajaan dapat diselamatkan kerana penjualan minyak petrol dan diesel ini **tidak melibatkan peruntukan subsidi**. Malahan, peluang untuk **meningkatkan pendapatan negara juga tinggi melalui cukai jualan** yang dikenakan ke atas kenderaan asing.

Pada masa yang sama, KPDN juga merekodkan kes penyelewangan yang rendah di negeri Perlis dalam tempoh projek rintis dilaksanakan setakat ini. Malahan, isu trafik sesak di stesen-stesen minyak di negeri Perlis juga telah reda dengan pelaksanaan ini.

KPDN akan mengeluarkan perincian pencapaian projek rintis ini sepanjang dua (2) bulan. Projek rintis ini telah telah dilaksanakan selama dua (2) bulan dan dalam kajian kemungkinan untuk dipanjangkan ke negeri-negeri lain.

- (vi) Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan KPDM sedang memperincikan kaedah subsidi lebih bersasar. Satu kertas pembentangan akan diangkat kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada mesyuarat akan datang.
- (vii) KPDM turut membentangkan status semasa Inisiatif RAHMAH seperti berikut:
- (a) Jualan RAHMAH – 16 pasaraya besar dan rangkaianannya
118 kawasan Parlimen, 8,223 lokasi
12,000 SKU
jualan sehingga 31 Disember 2023
 - (b) Bakul RAHMAH – 71,400 bakul RAHMAH diedar
Penerima miskin tegar
10 penyumbang utama
 - (c) Menu RAHMAH – 1,706 premis makan dan restoran
 - (d) Bazar Ramadan RAHMAH – 41 lokasi, 913 peniaga
- (viii) Tuduhan bahawa YAB Perdana Menteri tidak lagi fokus kepada agenda menangani kos sara hidup adalah tuduhan liar semata-mata. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat NACCOL pertama bagi tahun ini. Namun YAB Perdana Menteri telah dibantu oleh kedua-dua YAB Timbalan Perdana Menteri melalui beberapa jawatankuasa lain. Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan (JPP), NACCOL yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Wilayah dan Desa telah bersidang sebanyak dua (2) kali. Selepas ini beliau akan mempergiatkan

usaha pemantauan dan pelaksanaan dasar dan strategi Kerajaan Malaysia MADANI dengan mengadakan mesyuarat setiap bulan.

Adalah wajar pihak-pihak ini bersama-sama Kerajaan Malaysia MADANI mengembleng usaha dalam membantu rakyat serta mengurangkan berpolemik. Kos sara hidup adalah agenda nasional dan menuntut “whole nation approach”.

ANWAR IBRAHIM

PERDANA MENTERI MALAYSIA

13 APRIL 2023